



Jabatan Landskap Negara  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

# Laporan Tahunan

# 2008



# LAPORAN TAHUNAN 2008

**Jabatan Landskap Negara**

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

tkt 7, Plaza Permata-IGB,

Jln Kampar off Jln Tun Razak,

50400 KL

Tel 03 4047 0000

Faks 03 4045 2415

Emel: [kpjln@kpkt.gov.my](mailto:kpjln@kpkt.gov.my)

Laman Web : [www.kpkt.gov.my/jln](http://www.kpkt.gov.my/jln)

## Isi Kandungan Mukasurat

Kesidang 3  
**Sidang Pengarang**

Warkah 4  
**Perutusan Pengerusi**

Mekar  
**Profil Jabatan**

Kronologi Penubuhan	7
Lokasi Jabatan	7
Visi	8
Misi	8
Objektif	9
Fungsi	10
Piagam Pelanggan	11
Organisasi Jabatan	12

Kiambang Bertaut  
**Program Utama Jabatan**

<b>1.0 Program Pembangunan Taman Awam</b>	
1.1 Pembangunan Taman Awam Baru	19
1.2 Naik Taraf Taman Awam	27
1.3 Pembangunan Taman Persekutuan	30
<b>2.0 Program Pembangunan Lanskap</b>	
2.1 Pelan Induk Lanskap	33
2.2 Program Penghijauan Negara	34
2.3 Kempen Menanam Pokok	35
2.3.1 Mesyuarat Kempen Tanam Pokok Utama dan Bunga Raya Peringkat Kebangsaan 2008	37

## Isi Kandungan

## Mukasurat

2.3.2	Program YAWA – JLN di Taman Wetland Putrajaya	37
2.3.3	Persidangan Kanak-kanak UNEP TUNZA berkenaan Alam Sekitar di Stavanger, Norway	38
2.3.4	Kem YAWA TOYOTA di Sungai Congkak, Selangor	38
2.3.5	Sambutan hari Alam Sekitar Sedunia di Putrajaya	39
2.3.6	Program Penanaman Pokok Teduhan & Bunga Raya di SMK Tanjung Lumpur, Kuantan	39
2.3.7	Program Penanaman Pokok Teduhan Sempena Hari Habitat di PPR Beringin, Jinjang	40
2.3.8	Pameran dan Ceramah “Pokok untuk Kehidupan”	40
2.3.9	Pameran dan Ceramah “Pokok untuk Kehidupan” di Johor Bahru Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Johor (JOTIC)	41
2.3.10	Laman Web “Trees for Life”	41
2.4	Dasar dan Akta Landskap	42
2.5	Pembangunan Persekutaran Kehidupan	42

### 3.0 Program Promosi dan Pembangunan Industri

3.1	Promosi Landskap	46
3.1.1	Hari landskap Negara 2008	46
3.1.2	Program Brigade Landskap	47
3.2	Festival antarabangsa landskap dan Taman Malaysia	48
3.3	Pembangunan Industri Landskap	50
3.3.1	IPM-Dubai 2008 (International Plants Expo-Middle East)	50
3.3.2	Pameran The 10 <sup>th</sup> Hortiflorexpo China	50
3.3.3	Persidangan International Federation of Landscape Architecture (45 <sup>th</sup> IFLA World Congress)	51
3.3.4	Persidangan “International Federation of Parks & Recreation Administration (IFPRA) Asia Pasific 2008”	52
3.3.5	Kursus Landskap	53
3.3.6	Pameran Hari Perancang Bandar	53
3.3.7	Pertandingan Fotografi Sempena Hari Habitat Sedunia 2008	53

## Isi Kandungan

## Mukasurat

<b>4.0 Program Penyelidikan dan Pemuliharaan</b>	
4.1 Penyelidikan Rekabentuk Lanskap	56
4.1.1 Garis panduan Lanskap Negara (Edisi 2)	56
4.1.2 Garis Panduan Penanaman Pokok Teduhan	57
4.2 Penyelidikan Teknologi Lanskap	58
4.3 Taman Botani	58
4.3.1 Taman Botani Johor	58
4.4 Pemuliharaan dan Pemulihan Lanskap	59
4.4.1 Program Inventori Pokok Warisan	60
4.4.2 Keratan Akhbar	61
<b>5.0 Program Pengurusan Lanskap</b>	
5.1 Penyelenggaraan Taman Awam dan Lanskap	64
5.2 Pembangunan Piawaian Pengurusan Lanskap	64
5.3 Pembangunan Sistem Pengurusan Maklumat Lanskap (E-Landscape)	65

Selayang pandang

### Program Jabatan Sepanjang Penubuhan

Hari Lanskap Negara	70
Festival LAMAN	71
Program Menanam Bunga Raya Seluruh Negara	72
Kempen Tanam Pokok Seluruh Negara	73
International Federation of Landscape Architects (IFLA)	76
Taman Malaysia	78
Lawatan ke Perth & Melbourne, Australia	79
Panel Penasihat Lanskap Malaysia	80

Kesidang  
*Vallaris glabra*



# *Kesidang*



*Sidang Pengarang*

# *Sidang Pengarang*

## **Penaung**

*Y Bhg Dato' Ismail Ngah*

## **Ketua Pengarang**

*Tn Hj. Mohd Taib Zin*

## **Pen Ketua Pengarang**

*Manogaran Munisami*

*Mohd Faizal Nashahar*

## **Sidang Pengarang**

*Afza Said*

*Siti Annural Balqis Mokhtar*

*Noraini Samsuri*

*Murniza Hawani Husin*

*Muhammad Zahri Adnin*

*Ismadin Othman*

*Herman Mustar*

*Azlan Zainol*

*Adlan Zahirman*

*Hasneyanty Mokhtar*

## **Jurugambar dan Grafik**

*Ismadin Othman*

*Mohd Faizal Nashahar*

*Suriani binti Shaari*

## **Urusetia Penerbitan**

*Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan*

## **Edaran**

*Jabatan Landskap Negara,*

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan,*

*Tingkat 7, 11 & 15 Plaza Permata-IGB,*

*Jalan Kampar off Jalan Tun Razak,*

*50400 Kuala Lumpur*

*Tel 03 4047 0000*

*Faks 03 4045 2415*

*Emel: [kpln@kpkt.gov.my](mailto:kpln@kpkt.gov.my)*

*Laman Web : [www.kpkt.gov.my/jln](http://www.kpkt.gov.my/jln)*

# *Warkah*

Assalamualaikum dan salam sejahtera

Alhamdulillah dan syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan keizinan dan limpah kurniaNya Buku Laporan Tahunan 2008 Jabatan Landskap Negara telah berjaya dihasilkan dengan jayanya.

Di samping melaporkan pencapaian program dan aktiviti Jabatan bagi tahun 2008 yang meliputi program Pembangunan Taman Awam, Pembangunan Landskap, Promosi dan Pembangunan Industri, Penyelidikan Dan Pemuliharaan, serta Pengurusan Landskap,ianya adalah juga merupakan suatu sumber maklumat, rujukan dan panduan kepada semua kakitangan Jabatan khususnya dan pelanggan Jabatan secara keseluruhannya.

Sepanjang Tahun 2007/2008 pelbagai projek dan aktiviti bagi semua program Jabatan samada di peringkat Jabatan, kebangsaan dan antarabangsa telah berjaya dilaksanakan ke arah meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan landskap sejarah dengan matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia Negara Taman. Antaranya ialah pembangunan Taman Awam di seluruh negara, Hari Landskap Negara, pelancaran Taman Awam Berskala Besar (TABB) Bukit Kiara, pameran dan ceramah 'Pokok Untuk Kehidupan' dan seterusnya pelancaran laman web 'Trees for Life' bagi peringkat Jabatan dan Kebangsaan. Manakala bagi peringkat antarabangsa pula adalah Persidangan Antarabangsa IFLA ke 44 (International Federation Of Landscape Architects) di Kuala Lumpur pada tahun 2007 dan Festival Antarabangsa Landskap dan Taman Malaysia (LAMAN'08) di Taman Tasik Perdana pada 2008.

Jabatan landskap negara juga telah mendapat pengiktirafan dan dianugerahkan sijil ISO 9001:2000 di bawah skop pensijilan Perkhidmatan Teknikal Dan Pengurusan Projek Pembangunan Taman Awam pada 19 September 2008 di atas kecekapan pengurusan yang ditunjukkan dan ianya merupakan satu pengiktirafan yang menjadi kebanggaan kepada kita semua.

Laporan Tahunan 2007/2008 ini adalah juga merupakan pengukur pencapaian prestasi kepada semua warga Jabatan di dalam menilai dan mempertingkatkan tahap kecemerlangan, kepakaran dan semangat kerja berpasukan dan dedi kasi seajar dengan visi Jabatan iaitu menjadi peneraju dan pusat kecemerlangan dalam pembangunan landskap untuk mencapai persekitaran hidup yang berkualiti, mapan dan beridentitikan Malaysia.

Akhir kata saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada semua warga Jabatan Landskap Negara di atas komitmen yang diberikan ke arah pencapaian segala program, projek dan aktifiti yang dirancangkan bagi tahun 2007/2008 dengan jayanya. Juga tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa Penerbitan yang berjaya menerbitkan buku laporan tahunan ini.



Dato' Haji Ismail Bin Ngah  
Ketua Pengarah  
Jabatan Landskap Negara

Bunga Raya  
*Hibiscus rosa sinensis*





# Mekar



Profil Jabatan  
&  
Strategi Korporat

## Kronologi Penubuhan

Penubuhan Jabatan Lanskap Negara (JLN) adalah hasil daripada satu evolusi penyediaan perkhidmatan lanskap di negara ini yang bermula dengan tertubuhnya Unit Lanskap di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa pada tahun 1981. Jemaah Menteri yang bermesyuarat pada 24 Mei 1995 telah memutuskan supaya diwujudkan sebuah Jabatan yang diketuai oleh seorang pegawai kanan, khusus bertanggungjawab ke atas usaha-usaha untuk melandskapkan seluruh negara. Kementerian Kewangan diminta memberi peruntukan yang mencukupi untuk tujuan ini." Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 November 1995 telah meluluskan penubuhan JLN dan diletakkan di bawah pentadbiran KPKT. Berdasarkan pada kelulusan peruntukan dan program JLN oleh Unit Perancang Ekonomi, antara lain Jabatan ini perlu memainkan peranan sebagai agensi kawal selia dan memberi khidmat nasihat yang perlu disokong oleh peraturan dan undang-undang bagi memastikan usaha yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan dan swastamematuhi peraturan dan perundangan sedia ada. JLN telah ditubuhkan secara rasminya pada 1 Januari 1996.

## Lokasi Jabatan

Jabatan Lanskap Negara (JLN) berpejabat di tingkat 7 di bangunan Plaza Permata (IGB) yang terletak di Jalan Kampar off Jalan Tun Razak berhampiran dengan bangunan Plaza Pekeling. JLN telah menyewa premis Bangunan IGB Plaza menyewa (3) tiga tingkat premis banguna Plaza Permata (IGB) iaitu tingkat 7, 11 serta 15. Bahagian Pentadbiran dan Pejabat Ketua Pengarah terletak di tingkat 7, Cawangan Dasar di tingkat 11 dan Cawangan Pembangunan di tingkat 15. JLN bakal dipindahkan ke Bangunan Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya pada tahun 2015

## *Visi*

Menjadi peneraju dan pusat kecemerlangan dalam pembangunan landskap untuk mencapai persekitaran hidup yang berkualiti, mampan dan beridentitikan Malaysia.

## *Misi*

Mempastikan pembangunan landskap yang terancang dan berkualiti bagi menyediakan persekitaran hidup yang kondusif .

# *Objektif*

- Mewujudkan persekitaran hidup yang bersih, indah, selesa dan selamat.
- Memandu dan mengawal selia pembangunan landskap seluruh negara melalui penggubalan dan penguatkuasaan dasar, peraturan dan akta berkaitan.
- Memelihara keseimbangan antara pembangunan dengan sekitar melalui pelaksanaan pembangunan landskap yang berkualiti dan mampan.
- Memastikan pembangunan landskap, taman-taman awam, kawasan lapang dan kemudahan rekreasi yang berkualiti, berdaya maju dan 'kos efektif'.
- Meningkatkan profesionalisma dalam amalan perancangan, pembangunan, dan pengurusan landskap negara.
- Mengenal dan memperkayakan sumber landskap negara untuk faedah akan datang.
- Menggalak pembangunan industri landskap.

# *Fungsi*

- Merancang, menyelaras, melaksana dan mengawalselia pembangunan landskap, keperluan kawasan lapang, kawasan hijau dan kemudahan rekreasi negara.
- Penguatkuasaan perundangan, perlaksanaan dasar dan garis panduan di pelbagai peringkat dalam perancangan, perlaksanaan dan pengurusan pembangunan landskap.
- Menjana pembangunan dan pengembangan industri landskap.
- Melaksana dan menyelaras aplikasi program penyelidikan di pelbagai bidang berkaitan
- Menyediakan kepakaran teknikal yang mantap untuk pembangunan sumber landskap negara yang efisen.
- Menjadi penasihat kepada pelbagai peringkat kerajaan dalam perancangan, perlaksanaan dan pengurusan pembangunan landskap.
- Sebagai pusat akreditasi landskap Negara.

# *Piagam Pelanggan*


- Menyediakan dasar undang-undang dan garispanduan berkaitan landskap yang kemaskini bagi memastikan keberkesanan pembangunan landskap
- Menyediakan Pelan Induk Landskap bagi setiap Pihak Berkuasa Tempatan sebelum tahun 2010
- Mempastikan penanaman 20 juta pokok menjelang tahun 2020
- Menyebarluaskan maklumat yang tepat berhubung dengan pembangunan landskap kepada semua pihak yang memerlukan
- Menyediakan pembangunan taman-taman awam baru bagi setiap Pihak Berkuasa Tempatan mengikut piawaian yang ditentukan dan mempastikan kualiti taman-taman awam sedia ada
- Menyediakan pembangunan landskap yang bersesuaian dan kos efektif
- Mempastikan semua sumberjaya landskap di urus dengan baik
- Memberi khidmat nasihat dan khidmat teknikal pembangunan landskap yang profesional kepada agensi kerajaan dan orang awam apabila dirujuk
- Menyediakan khidmat sokongan yang mantap untuk pembangunan industri landskap
- Menyelaras dan melaksana program penyelidikan dalam pembangunan dan pengurusan landskap serta rekreasi negara
- Merancang dan melaksana program pengembangan dalam pembangunan dan penggunaan landskap dan kemudahan rekreasi
- Menyediakan sistem maklumat, penyebaran awam dan pusat rujukan negara mengenai pembangunan landskap
- Mengawal dan memulihara sumber landskap, alam sekitar dan rekreasi negara
- Mengawal selia dan mempertingkatkan pembangunan industri landskap

# Organisasi Jabatan





1



## Pengurusan

- 1. Yg Bhg Dato' Hj. Ismail bin Ngah**  
Ketua Pengarah
- 2. Hj. Esa bin Hj. Ahmad**  
Timbalan Ketua Pengarah  
Cawangan Dasar
- 3. Hj. Mohd Taib bin Hj. Zin**  
Timbalan Ketua Pengarah  
Cawangan Pembangunan

Teratai

*Nelumbo nucifera*



# Kiambang Bertaut



Program Utama Jabatan

